# WALIMATUL URUS PERDANA 2019 PERINGKAT DAERAH KEMAMAN

Oleh PDK
Sabtu, 07 September 2019 15:04 - Terakhir Diupdate Selasa, 24 September 2019 16:00





**KEMAMAN -** Majlis Walimatul Urus Perdana Peringkat Daerah Kemaman telah diadakan pada 17 Ogos 2019 yang lalu. Majlis akad nikah telah diadakan di Masjid Sultan Ahmad manakala Majlis Resepsi telah diadakan di Padang Astaka, Bandar Chukai Kemaman.

Program ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dibawah kelolaan Yayasan Pembangunan Keluarga dengan kerjasama Pejabat Daerah Kemaman. Objektif program adalah bagi membantu golongan muda memudahkan proses perkahwinan termasuk membantu

meringankan bebanan ahli keluarga yang tidak berkemampuan dalam urusan mengadakan majlis perkahwinan anak mereka.